

11 OCT 2000

Mahathir-Konvensyen

ORANG MELAYU DAN ISLAM DIMINTA KUASAI BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT

MELAKA, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu dan Islam perlu memperluaskan diri dengan pengetahuan terkini bidang teknologi maklumat jika tidak mahu ketinggalan dalam arus pementasan yang melanda.

"Kita telah saksikan bagaimana konsep dunia tanpa sempadan atau globalisasi telah mengubah cara hidup kita sejak akhir-akhir ini...amatlah penting orang Melayu dan Islam memperluaskan diri dengan pengetahuan di dalam bidang teknologi maklumat," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata-kata aluannya pada buku cenderamata sempena Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam yang akan berlangsung selama empat hari di sini bermula Rabu depan.

"Alhamdulillah, di Malaysia, orang Melayu yang beragama Islam ini telah berjaya di dalam pelbagai bidang dan telah membuktikan kepada dunia bahawa satu bangsa yang dahulunya dianggap pemalas boleh bersaing setanding dengan bangsa lain.

"Warna kulit tidak membawa apa-apa perbezaan, cuma kemahuan dan semangat boleh menentukan nasib sesuatu bangsa," katanya.

Mengenai konvensyen itu, beliau berharap ia akan mencapai keputusan-keputusan yang dapat menolong memajukan umat Melayu di merata tempat di dunia terutama di negara mereka merupakan bangsa minoriti yang tertindas.

Dr Mahathir juga percaya konvensyen itu akan berjaya menubuhkan satu rangkaian bagi memudahkan orang Melayu di seluruh dunia untuk berhubung dan bertukar-tukar fikiran demi kemajuan bangsa Melayu dan Islam.

"Saya difahamkan kebanyakan perwakilan terdiri daripada pemimpin dan tokoh Melayu seluruh dunia untuk membincangkan aspek sosio-budaya dan ekonomi bangsa Melayu dan pendidikan Islam khasnya bagi membolehkan ia bersaing dengan bangsa asing," katanya.

Gunakan kesempatan berinteraksi itu untuk membincangkan dan bertukar-tukar pendapat mengenai hala tuju orang Melayu dan masyarakat Islam dalam mengharungi cabaran dunia zaman sekarang, kata beliau.

Lebih 400 orang perwakilan dari 23 buah negara Islam dan yang mempunyai kelompok masyarakat Melayu dijangka menghadiri konvensyen anjuran kerajaan negeri dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme, Perbadanan Muzium Melaka dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional.

Antara negara yang telah mengesahkan penyertaan ialah Indonesia, Filipina, Brunei, Thailand, Singapura, Iran, Australia, Mesir, Sri Lanka, Afrika Selatan, Kemboja, China dan Bosnia.

-- BERNAMA

MOZ AKD